

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 5 SEPTEMBER 2015 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	MOSTI gesa lebih ramai pohon geran menerusi inovasi sosial	Utusan Malaysia
2	Kerajaan mahu lebih banyak penyelidikan majukan sektor sains dan teknologi	Bernamea.com
3	Kerajaan digesa wujudkan garis panduan pembekal alat kawalan keselamatan – APSA	Bernamea.com
4	Ketampakan rendah akibat jerebu sehingga esok	Bernamea.com
5	Siblings without ICs in limbo	The Star
6	Fostering integrity to combat corruption	New Straits Times

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 30
TARIKH: 5 SEPTEMBER 2015 (SABTU)



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH bersama sebahagian daripada pelajar jurusan Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia dalam majlis Dialog Bersama Pemimpin dan Akademia di Nibong Tebal, Pulau Pinang, semalam. - UTUSAN/SAZALI CHE DIN.

MOSTI gesa lebih ramai pohon geran menerusi Inovasi Sosial

NIBONG TEBAL 4 Sept. - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menggesa lebih banyak pihak tampil memohon geran melalui program Inovasi Sosial bagi meningkatkan kadar pengkomersialan negara.

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, setakat ini, hanya 115 permohonan diterima untuk program yang dilancarkan Mei lalu itu yang menyediakan geran sebanyak RM30 juta.

Menurutnya, melalui program itu, setiap pemohon akan diberikan geran sebanyak RM100,000 untuk menghasilkan produk yang memiliki impak tinggi terhadap komuniti.

"Kementerian giat melakukan usaha pengkomersialan produk-produk inovasi di peringkat akar

umbi dan melalui program Inovasi Sosial ini, kita peruntukkan geran RM30 juta.

"Kita berharap lebih ramai penyelidik yang tampil memohon geran maksimum RM100,000 untuk setiap projek yang memiliki impak kepada komuniti," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas menghadiri Program Bersama Pemimpin dan Akademia untuk pelajar baharu Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia di sini hari ini.

Tambah Abu Bakar, produk inovasi yang dihasilkan itu juga mampu menjadi sumber pendapatan kepada penciptanya apabila dikomersialkan nanti.

Jelasnya, idea mewujudkan program Inovasi Sosial adalah disebabkan

kan pelbagai produk yang dicipta penyelidik tempatan gagal dikomersialkan berikutan tiada dana sehingga merugikan banyak pihak.

Dalam pada itu, Abu Bakar menjelaskan, pihaknya optimis dan mampu mengeluarkan sehingga 360 produk berimpak tinggi menjelang 2020.

"Bagi mencapai sasaran tersebut, negara perlu mengeluarkan sekurang-kurangnya 60 produk berimpak tinggi setiap tahun dan saya yakin mampu dicapai.

"Produk berimpak tinggi ini juga harus ada nilai komersial dan mampu dijual sehingga ke luar negara. Sehubungan itu, menjelang 2020 kita dijangka berjaya memasarkan sekurang-kurangnya 360 produk," ujarnya.

